

MPSJ dicadang wajibkan pemilik anjing hadiri program penjagaan

SUBANG JAYA 11 Jun - Pemilik anjing dicadang diwajibkan menghadiri program berkaitan penjagaan haiwan peliharaan itu bagi mengelakkan kejadian warga tua yang digigit anjing pada Mei lalu daripada berulang.

Ahli Dewan Undangan Negeri Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) supaya program tersebut dikendalikan oleh Persatuan Kennel Anjing (MKA).

"Sebelum lesen untuk memiliki anjing dikeluarkan, pemilik anjing harus menghadiri program tersebut agar mereka benar-benar faham cara penjagaan haiwan itu.

"Ada antara mereka hanya membeli haiwan tersebut tanpa mengambil tahu cara-cara betul menjaga haiwan tersebut," katanya pada sidang akhbar mengenai cadangan program tersebut di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden MKA, Larry Yuen, berkata, antara pengisian program itu nanti, pemilik hai-

wan tersebut akan diajar bagaimana untuk menjinakkan haiwan peliharaan mereka dan mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran manusia.

"Selain itu, mereka juga diwajibkan untuk merantai haiwan peliharaan bagi mengelakkan ia daripada mencederakan jiran tetangga dan orang ramai.

"Bukan itu sahaja, bagi anjing yang bersaiz besar harus dikawal oleh individu yang berumur 18 tahun ke atas," ujarnya.

Mati digigit anjing jiran

DIKIRI: ANJING BERSUKSES

SUBANG JAYA - Satu insiden maut berlaku apabila seorang lelaki digigit anjing jiran di kawasan perumahan di Subang Jaya. Kejadian berlaku pada Sabtu (10 Jun) di kawasan perumahan di Subang Jaya. Lelaki berusia 40-an digigit anjing jiran yang bersaiz besar. Kejadian berlaku di kawasan perumahan di Subang Jaya. Lelaki tersebut mengalami luka-luka di tangan dan kaki. Kejadian berlaku pada Sabtu (10 Jun) di kawasan perumahan di Subang Jaya. Lelaki tersebut mengalami luka-luka di tangan dan kaki.



KERATAN Utusan Malaysia
9 Mei 2012.